

Nasional

Sisa binaan, ICI dikuat kuasa tahun ini

Usaha jadikan Malaysia bersih, indah selaras Dasar Kebersihan Negara

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya: Peraturan khusus bagi pengurusan sisa pepejal daripada sektor pembinaan dan sektor perindustrian, komersial dan keinstitusian (ICI) akan dikuatkuasakan secara menyeluruh bermula tahun ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Mohammad Mentek, berkata usaha itu adalah ke arah menzahirkan impian Malaysia menjadi sebuah negara bersih dan indah selaras Dasar Kebersihan Negara.

Katanya, Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan yang diwartakan pada 1 November 2018 dikuatkuasakan sepenuhnya bermula 1 Januari 2020 di tujuh negeri yang menerima pakai Akta 672 iaitu Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perlis, Kedah serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Selain itu, katanya peraturan pengurusan sisa pepejal daripada sektor ICI yang diwartakan pada 1 Ogos 2018 pula akan dikuatkuasa sepenuhnya pada 1 Mac 2020.

Beliau berkata, fasa libat urus dan hebahan peraturan dilaksanakan bermula November 2018 hingga Disember 2019, melalui sesi taklimat serta pameran yang dianggarkan membabitkan 1,600 penggiat industri pembinaan selain kerjasama strategik di sektor itu seperti Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA).

"Selain itu, melalui penguatkuasaan peraturan dan pengawalselaan pengurusan sisa pepejal di sektor ICI, kita yakin pengurusan sisa pepejal sektor berkenaan akan dilaksanakan dengan menyeluruh, bersepadu, mampan serta dapat membasmi

masalah berkaitan pembuangan sisa secara haram.

"Sekiranya berlaku ketidakpatuhan, kompaun boleh dikenakan tidak melebihi RM5,000 atau denda tidak melebihi RM10,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang selepas menyempurnakan Majlis Pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik 2019 dan Promosi Penguatkuasaan Peraturan Sisa Pepejal Pembinaan, Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian, di sini.

Katanya, taklimat peraturan pengurusan sisa pepejal ICI, sudah dilaksanakan bermula Ogos 2018 dan 300 premis ICI dan 150 syarikat perkhidmatan pemungutan sisa pepejal yang terbabit.

"Selain itu, 217 syarikat perkhidmatan kutipan sisa pepejal ICI diberikan lesen untuk membenarkan mereka melaksanakan kerja perkhidmatan yang berkaitan dengan pemungutan sisa pepejal ICI.

"Keempat-empat sektor ini (pembinaan, komersial, perindustrian dan keinstitusian) disarankan untuk mengamalkan



Mohammad melihat papan informasi pada Majlis Pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik 2019 di Putrajaya baru-baru ini.

(Foto Hafiz Sohalmi/BH)

konsep sisa sifar dengan aktiviti guna semula, pertukaran sisa dan pemrosesan sisa untuk mengurangkan kuantiti sisa yang perlu dirawat serta dilupuskan ke tapak pelupusan.

Selain daripada itu, keempat-empat sektor ini juga perlu melantik syarikat perkhidmatan pemungutan yang berlesen dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan memastikan syarikat perkhidmatan pemungutan berkenaan melupuskan sisa pepejal di tapak pelupusan yang telah ditetapkan.

"Sehubungan itu, bagi mengurangkan jumlah sisa yang terhasil adalah digalakkan untuk mengurangkan sisa pepejal mengikut ketutamaan bermula daripada pengurangan sisa diikuti pengasingan sisa pepejal di punca mengikut jenis untuk dikitar semula seterusnya diproses dengan teknologi perawatan sisa," katanya.

Beliau berkata, dengan adanya penguatkuasaan dua peraturan baharu ini, maka wujud Prosedur Operasi Standard (SOP) jelas untuk pengurusan sisa dari sektor pembinaan dan sektor ICI.